



Untuk Terbitan Media
31 Oktober 2025

SIARAN MEDIA

LINDUNG 24/7 TANGANI KELOMPANGAN, SELARI DINAMIKA CORAK KERJA SEMASA

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan LINDUNG 24/7 disifatkan pemangkin perlindungan keselamatan sosial secara menyeluruh, selari perubahan corak kerja semasa yang turut bersandarkan pendekatan hibrid dan aturan anjal (*flexible arrangement*).

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerusi kenyataan memaklumkan bahawa pelaksanaan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (LINDUNG 24/7) itu berupaya menutup kelompangan sedia ada.

Katanya, hal itu kerana statistik PERKESO bagi tempoh dari 2023 hingga September tahun ini menyaksikan sebanyak 11,851 kes tuntutan pencarum menerusi LINDUNG Pekerja ditolak kerana ditakrifkan sebagai bukan bencana kerja.

“Sehubungan itu, wujud keperluan mendesak ke arah penyediaan satu skim baharu yang memberi perlindungan 24 jam sehari kepada pekerja tempatan dan pekerja asing di Malaysia.

“Melalui LINDUNG 24/7, pekerja akan menikmati jaringan keselamatan sosial secara menyeluruh, termasuk bagi kes-kes kemalangan yang berlaku di luar waktu bekerja, berbeza dengan skim terdahulu yang hanya melibatkan insiden berkaitan pekerjaan.

“Langkah strategik ini selari perubahan waktu kerja dari konsep konvensional kepada secara hibrid masa kini, selain menangani jurang perlindungan keselamatan sosial dalam sistem sedia ada,” menurut PERKESO, hari ini.

Dalam perspektif berbeza, pelaksanaan LINDUNG 24/7 juga dijangka berupaya mengurangkan tekanan kewangan yang diperuntukkan terhadap sistem kesihatan awam negara, memandangkan PERKESO akan menanggung pembiayaan rawatan dan pemulihan pencarum.

Menerusi penyediaan skim terbaharu ini, lebih 9.6 juta pencarum aktif setakat perangkaan semasa PERKESO di bawah LINDUNG Pekerja bakal menerima manfaat, sekali gus memperkukuh jaringan sosial pekerja di Malaysia, malah setaraf amalan antarabangsa.

“Langkah ini menandakan satu lagi transformasi penting dalam sejarah perlindungan sosial negara di bawah seliaan PERKESO, selaras prinsip perlindungan sosial yang sewajarnya berbanding eksklusif,” menurut kenyataan berkenaan.

Dibacakan buat kali pertama di Dewan Rakyat oleh Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong semalam, LINDUNG 24/7 merupakan inisiatif penting kerajaan dalam memastikan kesejahteraan semua pekerja di Malaysia terus terpelihara.

Bacaan kedua dan ketiga bagi pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) itu dijangka dibentangkan Steven Sim di Dewan Rakyat pada Disember tahun ini untuk dibahaskan Ahli Parlimen.

Di bawah skim ini, pekerja yang layak akan menerima pelbagai faedah termasuk Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK), Faedah Orang Tanggungan (FOT), Elaun Layanan Sentiasa (ELS), Faedah Pengurusan Mayat (FPM), Faedah Pemulihan dan Faedah Pendidikan.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

31 Oktober 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Iklil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my